



UKK/600-01/05 (74)

## SIARAN MEDIA

### TELUK INTAN KE KOREA SELATAN ZULKEFLI JAIS MEWAKILI MALAYSIA KE GWANGJU BIENNALE 2024

**10 OGOS 2024** – Balai Seni Negara dengan bangga mengumumkan bahawa **Zulkefli Jais**, seorang **artis inovatif** dan **pemenang Anugerah Utama Pertandingan Bakat Muda Sezaman 2023 (BMS23)**, akan **mewakili Malaysia** ke **Gwangju Biennale 2024**. Acara seni visual kontemporari berprestij ini akan diadakan di **Gwangju, Korea Selatan** bermula pada **7 September hingga 1 Disember 2024**.

Disokong oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), Majlis Perbandaran Teluk Intan, dan Tourism Malaysia, pemilihan artis muda kelahiran Teluk Intan, Perak ini ke Gwangju Biennale 2024 menandakan satu pencapaian penting bagi artis muda tempatan dalam meraih pengiktirafan global. Menerusi karya bertemakan “seni di lokasi”, hasil seninya dilihat mampu untuk mempamerkan perkembangan seni kontemporari di Malaysia.

Zulkefli Jais akan mempamerkan karya **"Project Temporary Marking"**, yang terdahulu dipamerkan di Menara Condong, Teluk Intan, Perak. Karya ini memaparkan pertindihan antara aspek geografi dan sejarah bandar serta turut dikaitkan dengan memorinya sebagai anak jati bandar Teluk Intan, Perak. Bentuk monumen yang dihasilkan daripada gantungan jaket (*vest*) melambang Menara Condong sebagai mercu tanda bandar berkenaan. Gabungan jaket mewakili perasaan dan ingatan terhadap bencana yang menimpa pelarian yang berlindung di bandar itu dan ia turut dijadikan sebagai peringatan bahawa setiap sejarah pasti akan berulang.

Menariknya, karya ini akan dipamerkan bersama tayangan dokumentari pendek berdurasi 6 minit 2 saat yang akan dipaparkan secara berulang sepanjang pameran berlangsung. Dokumentari ini akan mendedahkan sejarah gelap sekitar Menara Condong, dengan bunyi

loceng untuk memberi gambaran serta penghayatan terhadap karya berkenaan. Loceng tersebut akan berbunyi setiap jam, mengikut Waktu Malaysia (MYT).

Disamping itu, Balai Seni Negara turut menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada dua kurator yang mewakili Balai Seni Negara iaitu Erry Arham Azmi dan Syahrul Niza Ahmad Zaini, atas komitmen mereka dalam memastikan pameran ini berjalan lancar.

Balai Seni Negara sentiasa komited dalam memberi sokongan kepada artis-artis tempatan. Kejayaan Zulkefli Jais dalam mengangkat karyanya ke pentas antarabangsa dilihat mampu menjadi pemangkin kepada peningkatan perkembangan seni kontemporari di Malaysia, selain turut mempromosi sejarah dan keunikan budaya ke peringkat global.

---

*Dikeluarkan:*

**Unit Komunikasi Korporat  
BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA**

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur

Tel.: 03-40267000 Fax: 03-40244998

[www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)

**Untuk pertanyaan, sila hubungi:**

**Balai Seni Negara:**

**Zuriyadi Sarpin**

T: +60 11 1005 5207

E: [zuriyadi@artgallery.gov.my](mailto:zuriyadi@artgallery.gov.my)

**Intan Syazwina Suhaimi**

T: +60 19 998 5884

E: [syazwina@artgallery.gov.my](mailto:syazwina@artgallery.gov.my)